



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI UMUM KOLABORASI ANTARA SENTO BIOTECH DAN BIOLOOP, TINGKAT PENGELUARAN MAKANAN LESTARI MELALUI INOVASI 'DISRUPTIVE'

PORT DICKSON, 18 Julai 2023 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini mengumumkan perjanjian usaha antara Sento Biotech Sdn Bhd (Sento Biotech) and BioLoop (BioLoop) Sdn Bhd. Kerjasama strategik ini bertujuan untuk menangani isu dalam kelangsungan pengeluaran makanan melalui bioteknologi, dalam masa yang sama, memberi fokus kepada tanaman yang kurang dimanfaatkan untuk penternakan larva *black soldier fly* (BSF).

Sento Biotech adalah sebuah syarikat bioteknologi yang mengkhususkan kepada pengeluaran BSF menggunakan bahan makanan lestari. Syarikat ini menumpukan kepada menyediakan diet berkualiti tinggi untuk spesies akuakultur. Sementara itu, BioLoop adalah syarikat perintis teknologi dalam pengeluaran BSF. Melalui kerjasama ini, Sento Biotech dan BioLoop menyasarkan untuk mewujudkan rantai bekalan lestari untuk BSF, yang merupakan sumber yang boleh ditanam menggunakan bahan-bahan tanaman mampan, dalam masa yang sama, mengurangkan impak kepada alam sekitar seperti pelepasan dan penyerapan karbon.

Kerjasama ini juga selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu sifar kelaparan serta penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab. Ia menekankan penggunaan sumber yang cekap serta pengeluaran makanan dan kitaran penggunaan yang mampan. Dengan memberi tumpuan kepada tanaman yang kurang dimanfaatkan, kerjasama ini akan menyumbang kepada

amalan mampan dalam industri pengeluaran makanan.

“Kerjasama antara Sento Biotech dan BioLoop ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memupuk kreativiti, inovasi dan kelestarian ekosistem startup. Kami mengiktiraf peranan penting startup dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara serta kebolehan mereka untuk mencipta idea baharu dan mendepani perubahan permintaan pasaran.

“Kerajaan komited untuk menangani cabaran global semasa termasuk isu keselamatan makanan melalui sains dan teknologi. Matlamat jangka masa panjang kami adalah untuk mengurangkan pergantungan yang semakin meningkat kepada makanan import demi kelestarian industri makanan di Malaysia,” kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi YB Chang Lih Kang.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) Norman Matthieu Vanhaecke berkata Cradle akan terus memberi motivasi serta membantu mencetus inspirasi dalam membentuk lebih banyak peluang kerjasama yang bernilai dalam kalangan startup untuk merangsang pertumbuhan inovasi.

“Kerjasama yang kita saksikan ini merupakan contoh kejayaan yang boleh dicapai apabila dua startup bergabung. Dengan mengenal pasti kekuatan masing-masing, menghimpunkan sumber dan mencipta sinergi, mereka dapat menawarkan servis atau produk yang lebih bernilai yang selari dengan permintaan semasa yang berubah, sekaligus memacu inovasi dan kemampan merentas ekosistem,” kata beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif Sento Biotech Giva Kuppusamy berkata kerjasama antara Sento Biotech dan BioLoop ini merupakan satu pencapaian penting yang menyumbang kepada kemampan industri pengeluaran makanan.

“Dengan menggabungkan kepakaran dan sumber daripada Sento Biotech dan BioLoop, kerjasama ini dapat menerajui era baharu inovasi, memperkasakan tanggungjawab kepada alam sekitar dan membentuk pencapaian baharu dalam bidang bioteknologi melalui startup *agritech*. Matlamat kami melalui kerjasama ini adalah untuk membentuk masa depan yang mampan, memupuk ekosistem makanan yang berdaya

tahan dan sumber yang lestari, dalam masa yang sama, memperkayakan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya,” tambahnya.

Sento Biotech adalah anak syarikat GK Aqua Sdn Bhd yang merupakan penerima geran Cradle melalui program CIP Accelerate pada tahun 2020, manakala BioLoop menerima geran melalui program CIP Sprint pada tahun 2022. Program geran Cradle ini menyediakan peluang pembiayaan kepada startup serta syarikat *spin-off* daripada universiti dan institut penyelidikan di Malaysia. Dengan menyediakan sokongan kewangan, sumber dan peluang rangkaian, program ini memainkan peranan penting dalam memupuk ekosistem startup di Malaysia, selari dengan visi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, iaitu untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan perniagaan berasaskan teknologi.

#TAMAT#

Disediakan oleh

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
18 Julai 2023

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi
PR & Media
Strategic Communications
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)
+6012-271 3457
elmy@cradle.com.my

Kit Media

https://drive.google.com/drive/folders/1EuW1urC_O0QLmx2ov5aTOIkeaLHZJsW?usp=drive_link